

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI BOON SOM A/L INONG**

**TARIKH : 20 APRIL 2016 (RABU)**

**SOALAN : 1**

**Datuk Seri Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :

- (a) jumlah akses kepada internet di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu serta bilangan rakyat Malaysia yang memiliki akaun media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, dan Instagram; dan
- (b) jumlah pemilik akaun media sosial yang didapati bersalah menyalahgunakan media sosial mereka untuk pelbagai tujuan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 8 lagi pertanyaan daripada YB Senator Dato' Sri Khairudin Samad dan YB Senator Datuk Seri Nalla K. S pada 20 April 2016, YB Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin pada 21 April 2016, YB Senator Dato' Hoh Khai Mun dan YB Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee pada

## **SOALAN NO: 1**

27 April 2016, YB Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader pada 3 Mei 2016, YB Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim dan YB Senator Tuan Chia Song Cheng pada 4 Mei 2016 kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan penyalahgunaan media sosial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mac 2016, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 72.5 peratus dan bilangan rakyat Malaysia yang memiliki akaun media sosial adalah dianggarkan seramai 20.62 juta pengguna setakat bulan Januari 2016.

Dari tahun 2010 hingga Mac 2016, sebanyak 22 individu atau pemilik akaun media sosial, laman sesawang dan blog yang telah didakwa kerana didapati bersalah menyalahgunakan media baharu untuk pelbagai tujuan.

Bagi memperkuatkan mekanisme kawalselia Internet dan media baru, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Membanteras Penyalahgunaan Media Sosial yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta turut dianggotai oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Jawatankuasa ini turut berperanan memperkuatkan koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan penyalahgunaan Internet dan media baru. Di samping itu, Pasukan Penguatkuasa SKMM terdiri daripada pelbagai bangsa yang telah terlatih dan mahir berkomunikasi.

Untuk 2016 sehingga akhir bulan Mac, pihak SKMM telah menyiasat sebanyak 32 kes penyalahgunaan internet dan media baharu di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Pada masa yang sama, para pengguna media sosial disaran untuk mengamalkan kawalselia kendiri agar kemudahan internet dapat digunakan secara positif dan bertanggungjawap. Selain itu sebagai inisiatif jangka panjang, Kerajaan sedang melaksanakan Pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menambah baik rangka kerja kawalselia dan penguatkuasaan sedia ada. Ini bertujuan untuk memperkuuh peruntukan di dalam Akta termasuk mengambil kira teknologi terkini dan persekitaran yang sudah berubah sepanjang tempoh 18 tahun lalu.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, tindakan negara China menyekat media sosial antarabangsa adalah berdasarkan kepada pertimbangan dalaman Kerajaan China, ini termasuklah bagi mempromosikan dan menggalakkan penggunaan aplikasi media sosial yang dibangunkan sendiri di China kerana jumlah populasi yang sangat besar.

Negara China turut mempunyai beberapa aplikasi alternatif berbahasa China yang menyamai fungsi seperti Facebook, antaranya ialah RenRen dan Sina Weibo dan antara aplikasi alternatif berbahasa China yang menyamai fungsi seperti Google ialah Baidu.

Setakat ini, pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat laman media sosial antarabangsa seperti Facebook serta kemudahan platform Telegram, Whatapps dan lain-lain kerana rakyat Malaysia secara

**SOALAN NO: 1**

umumnya menggunakan kemudahan ini secara berhemah untuk berkomunikasi, termasuk aktiviti keusahawanan dan sebagainya.

**SENARAI PERTANYAAN UNTUK DIJAWAB BERSEKALI PADA 20 APRIL 2016 (RABU) – ISU PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL**

BIL	TARIKH	GILIRAN	M/S	PERTANYAAN	CATATAN
1.	<b>20 APRIL 2016 (RABU)</b>	12	46	<p>PN-1341-L24631</p> <p><b>Datuk Seri Boon Som a/l Inong</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) jumlah akses kepada internet di negara ini dalam tempoh lima tahun lalu serta bilangan rakyat Malaysia yang memiliki akaun media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, dan Instagram; dan</li> <li>(b) jumlah pemilik akaun media sosial yang didapati bersalah menyalahgunakan media sosial mereka untuk pelbagai tujuan.</li> </ul>	
2.	<b>20 APRIL 2016 (RABU)</b>	27	49	<p>PN-1341-L24518</p> <p><b>Dato' Sri Khairudin Samad</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membendung penyalahgunaan media sosial kini kerana terdapat penyebaran maklumat yang disampaikan mencetus kegusaran dan kerisauan di kalangan rakyat terutamanya berkaitan aspek keselamatan.</p>	
3.	<b>27 APRIL 2016 (RABU)</b>	11	98	<p>PN-1341-L24275</p> <p><b>Dato' Hoh Khai Mun</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan apakah usaha kerjasama yang telah dijalankan dengan Kementerian lain dalam mengimbangkan pengawasan laman sesawang hak rakyat dan pada masa yang sama menjaga privasi rakyat.</p>	
4.	<b>27 APRIL 2016 (RABU)</b>	29	101	<p>PN-1341-L24760</p> <p><b>Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi</p>	

**SOALAN NO: 1**

				<p>mengelakkan gejala pemalsuan data dan maklumat khususnya maklumat yang mengaitkan pemimpin Kerajaan seperti pemalsuan muka depan Majalah "Time" yang memaparkan wajah Perdana Menteri dengan berita yang palsu dan telah disebarluaskan melalui laman web sosial oleh pihak Pembangkang baru-baru ini.</p> <p>Apakah tindakan pembendungan bagi menghentikan tindakan yang tidak beretika ini dari berulang atau dihentikan dari akar umbinya.</p>	
5.	3 MEI 2016 (SELASA)	16	125	<p>PN-1341-L24430</p> <p><b>Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan terdapat negara yang mengharamkan penggunaan beberapa media sosial antarabangsa dalam usaha mengekang penyebaran maklumat berunsur fitnah dan hasutan seperti di negara China. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengekang penggunaan media sosial antarabangsa di negara kita dan menggantikan dengan media sosial sendiri yang dikawalselia sepenuhnya oleh SKMM bagi membolehkan Kerajaan mengesan petualang di sebalik identiti palsu.</p>	
6.	4 MEI 2016 (RABU)	49	142	<p>PN-1341-L23954</p> <p><b>Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengenakan tindakan tegas dan berkesan ke atas individu-individu yang menabur fitnah menggunakan nama samaran yang digunakan di laman facebook, blogger, instagram dan lain-lain media sosial.</p>	
7.	4 MEI 2016 (RABU)	78	146	<p>PN-1341-L24380</p> <p><b>Tuan Chia Song Cheng</b> minta <b>MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk</p>	

**SOALAN NO: 1**

				menubuhkan satu pasukan terdiri daripada anggota-anggota yang mahir dalam bahasa Cina untuk memantau keadaan salah guna media sosial di kalangan masyarakat tempatan.	
--	--	--	--	---	--